

Dalang, ketua sindiket dadah dalam radar

22 Mei 2022

Dalang, ketua sindiket dadah dalam radar

Polis akan tingkatkan operasi dan serbuan untuk perangi habis-habisan kegiatan pengedaran dadah

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

KUALA LUMPUR

Dalang dan ketua sindiket dadah kini dalam radar Polis Diraja Malaysia (PDRM), kata Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay.

Menurutnya, polis akan mempertingkatkan operasi dan serbuan untuk menahan ketua sindiket dadah di negara ini.

"Pengedaran dadah ini tidak boleh dihapuskan selagi ketua sindiket dadah masih bermaharajalela di negara ini.

"JSJN menyahut cabaran Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zaimudin yang mahu kegiatan pengedaran dadah perlu diperangi habis-habisan untuk menjamin masa depan remaja di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita semasa Majlis Sambutan Hari Raya



Ayob Khan (kanan) meraikan 33 orang anak yatim Pertubuhan Kebajikan Asnaf Al Barakah Malaysia dalam sambutan Majlis Hari Raya anjuran JSJN di Pulapol Kuala Lumpur pada Sabtu.

anjuran JSJN di Pusat Latihan Polis (Pulapol) Kuala Lumpur pada Sabtu.

Beliau berkata, jenayah narkotik ini seperti tiada berkesudahan apabila aktiviti dan tangkapan sentiasa dijalankan dan beberapa hari lalu polis berjaya merampas dadah lebih 21 kilogram (kg) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Malah, tambah Ayob Khan, terbaharu pada Jumaat juga dilaporkan seorang warga tempatan telah ditangkap di Singapura kerana cuba membawa masuk dadah bernilai lebih RM1 juta.

"Perkara ini tidak akan habis di situ sahaja. Mereka (sindiket) akan mencari ruang dan jalan untuk teruskan aktiviti mereka.

"Apabila saya ambil alih JSJN sejak Januari lalu, sehingga hari ini, saya memberikan tumpuan kepada tangkapan tokan dadah dan berdasarkan Op Tapis yang dilaksanakan, kira-kira seramai 1,500 tokan dadah telah berjaya ditahan," katanya.

Ujar beliau lagi, JSJN komited untuk meneruskan momentum ini dan akan fokuskan kepada ketua-ketua sindiket supaya jenayah tersebut dapat ditumpuhkan.